

13/09/1998

Gerakan setuju tindakan pecat

KUALA LUMPUR: Tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, disokong penuh oleh semua anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) Gerakan dalam mesyuarat semalam.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata langkah itu mengukuhkan pendirian parti yang diumumkan selepas mesyuarat CWC pada 4 September lalu yang hanya dihadiri beberapa ahli.

"Gerakan berpendapat alasan Perdana Menteri dalam hal ini (memecat Anwar) adalah munasabah dan tindakan yang diambil adalah setimpal dan wajar bagi memastikan maruah serta martabat negara tidak tercemar.

"Masyarakat tidak harus mempertikaikan tuduhan terhadap Anwar, sebaliknya hanya perlu bersabar dan menunggu hasil siasatan polis serta keputusan mahkamah bagi mendapatkan maklumat sebenar mengenai isu ini.

"Rakyat tidak wajar memperbesarkan isu terbabit tetapi sebaliknya perlu mengutamakan usaha memulihkan ekonomi negara dan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri bagi menjayakan strategi mengatasi kegawatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat CWC di sini semalam.

Dr Lim berkata, Gerakan juga sebulat suara dalam menyokong tindakan tegas kerajaan dalam pengawalan modal dan nilai mata wang yang kini berjaya mengembalikan keyakinan pelabur asing untuk menceburi pasaran tempatan.

Lantaran itu, pelantikan firma perunding sekuriti, Salomon Smith Barney Inc sebagai penasihat kepada kerajaan dalam penyusunan dan permodalan semula sektor perbankan tempatan turut menerima sokongan jitu Gerakan.

Kata Dr Lim, petanda awal hasil strategi pemulihan ekonomi negara amat memberangsangkan dan pengkritik yang pada mulanya mempersoalkan tindakan kerajaan kini mengakui keberkesanannya.

(END)